KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN SPM 2023

MPP 3

SEJARAH
KERTAS 1

Nama : .....

Kelas : .....

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

ANJAKAN MUAFAKAT NEKAD

LIVEWORKSHEETS

MPP 3 TAHUN 2023

SEJARAH TINGKATAN 5

1249/1

Kertas 1
Oktober
1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan*

2. *Jawab* **semua** *soalan*

3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu,* **A,B,C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

LIVEWORKSHEETS

1 Rakyat akan meminum air tadahan Inskripsi Telaga Batu dalam upacara persetiaan rakyat kepada pemerintah kerajaan Srivijaya.

Apakah tujuan upacara tersebut dilakukan?

A Meluaskan pengaruh
B Mengangkat sumpah
C Menunjukkan kesetiaan
D Lambang pemerintahan

2 Laksamana berperanan dalam membantu kegemilangan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah peranan laksamana?

A Menetapkan kadar cukai
B Menjadi penasihat sultan
C Mengawal keselamatan pedagang
D Menguruskan perbendaharaan kerajaan

3 Mengapakah gerakan nasionalis di Burma digerakkan oleh golongan kelas pertengahan yang berpendidikan Barat?

A Menuntut hak rakyat
B Menggugat penganut Buddha
C Penentangan golongan Mandarin
D Perkembangan fahaman komunis

4 Maklumat berikut berkaitan corak perjuangan nasionalisme di Tanah Melayu.

Nama Tokoh	Karya
Abdul Rahim Kajai	Cerpen Cerita Awang Putat
Shamsuddin Salleh	Cerpen Di Sini Kita Bukannya Orang Dagang

Apakah persamaaan isu dalam karya tersebut?

A Membela nasib bangsa
B Pengukuhan hukum adat
C Mengangkat martabat wanita
D Pembaharuan pendidikan vernakular

LIVEWORKSHEETS

5 Perjanjian Versailles ditandatangani antara Pakatan Bertiga dengan Jerman pada 28 Jun 1919.

Apakah isi kandungan perjanjian tersebut?

I Mengehadkan saiz angkatan tentera
II Menamatkan sekatan ekonomi
III Mewujudkan negara baharu
IV Menyerahkan tanah jajahan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6 Tokoh berikut berkaitan perjuangan gerakan anti-Jepun.



Albert Kwok

Apakah sumbangan beliau?

A Melancar pemberontakan Jesselton
B Menentang Parti Komunis Malaya
C Menggerakkan Operasi Semut
D Menubuhkan Force 136

7 Mengapakah Pentadbiran Tentera British (British Military Administration - BMA) di Tanah Melayu gagal melaksanakan tugasnya?

I Menyatukan pelbagai kaum
II Mengiktiraf hak pribumi
III Menghalang peningkatan inflasi
IV Mengawal wabak penyakit

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

8 Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu bagi menggantikan British Military Administration (BMA).

Perkara manakah yang terkandung dalam Perlembagaan Malayan Union pada 1 April 1946?

A Taraf naungan
B Dasar dekolonisasi
C Raja Berpelembagaaan
D Syarat kewargenegraan

9 Maklumat berikut merupakan gabungan yang mencadangkan Perlembagaan Rakyat bagi menentang cadangan Jawatankuasa Kerja yang dipersetujui oleh British.

- Nasionalis Melayu Radikal
- Gabungan PUTERA-AMCJA

Megapakah kedua-dua gabungan tersebut bertindak demikian?

I Pandangan ditolak
II Proses tidak demokratik
III Gagal menyatukan persekutuan
IV Hak kerakyatan dinafikan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

10 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

I Hak semua kaum terjamin
II Majlis Raja-Raja dibentuk
III Pembentukan sebuah persekutuan
IV Mengiktiraf kedudukan agama Islam.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

11 Gerakan Komunis Antarabangsa telah menganjurkan dua persidangan di Calcutta, India pada tahun 1948.

- Persidangan Kongres Belia Asia
- Persidangan Parti Komunis India

Apakah kesan persidangan tersebut terhadap Parti Komunis Malaya?

A Kerjasama menentang Jepun
B Penubuhan pasukan keselamatan
C Perjuangan bersenjata dilancarkan
D Rundingan penyatuan parti politik radikal

12 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha British menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

Tahun	Peristiwa
17 Jun 1948	Undang-Undang Darurat diisytiharkan

Apakah peristiwa yang menyebabkan undang-undang tersebut disytiharkan?

A Pembukaan cawangan Parti Kuomintang
B Pembunuhan pengurus ladang Eropah
C Perubahan dasar pentadbiran British
D Penentangan Kesatuan Sekerja

13 Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum pada Januari 1949.

Isu	Peranan CLC
• Persediaan ke arah berkerajaan sendiri	X

Apakah X?

A Menetapkan hala tuju pentadbiran negara
B Mencadangkan piliharaya secara berperingkat
C Memberikan pengiktirafan terhadap pemerintahan beraja
D Mengekalkan sistem pentadbiran tradisional

LIVEWORKSHEETS

14 Pembentukan Sistem Ahli oleh British di Tanah Melayu adalah selari dengan dasar dekolonisasi yang disarankan oleh pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berdasarkan Piagam Atlantik.


Bagaimanakah British menyokong dasar tersebut?

A Menghalang pengaruh luar
B Memperkukuh kerjasama politik
C Memberi kuasa autonomi kepada kerajaan
D Melatih pemimpin tempatan dalam pentadbiran

15 Apakah kepentingan pilihanraya dalam konteks negara yang berdaulat?

A Membentuk sebuah kerajaan
B Menggalakkan penubuhan parti politik
C Menjamin ketelusan pentadbiran
D Mengekalkan warisan bangsa

16 Gambar berikut merupakan Kabinet Kerajaan Persekutuan 1955.



Bagaimanakah kabinet tersebut berperanan dalam perkembangan sejarah kemerdekaan tanah air?

A Mengukuhkan kuasa Raja-raja
B Mengkaji semula syarat kerakyatan
C Menetapkan hala tuju kerajaan negeri
D Mengurangkan kuasa pentadbiran British

LIVEWORKSHEETS

17 Maklumat berikut berkaitan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Suruhanjaya Reid 1956	
Pengerusi	Lord Reid
Ahli	Sir William Ivor Jennings (Britain) Sir William Mckell (Australia) Hakim B. Malik (India) Hakim Abdul Hamid (Pakistan)

Apakah peranan suruhanjaya tersebut?

I Memperuntukkan hak sama rata untuk semua kaum
II Mengadakan referendum dalam kalangan penduduk
III Memastikan sistem persekutuan yang kuat
IV Menerima pandangan pelbagai pihak

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

18 Parti berikut telah menolak syarat kewarganegaraan yang longgar dalam draf perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Parti Negara
UMNO

Apakah alasan yang diberikan oleh parti tersebut?

A Kedudukan orang Melayu tergugat
B Kemerdekaan negara sukar dicapai
C Institusi pemerintahan beraja terhapus
D Semua sekolah mempelajari bahasa Inggeris

LIVEWORKSHEETS

19

> 3(1) Agama di Negeri Persekutuan ialah agama Islam; akan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai dalam mana-mana jua negeri dalam Persekutuan.,

Apakah rumusan anda tentang peruntukan tersebut?

A Tolak ansur
B Sedia berkorban
C Kerjasama
D Prihatin

20 Bagimanakah kerajaan berperanan dalam menangani isu antarabangsa di peringkat awal kemerdekaan.

A Menyusun strategi ketenteraan
B Menggalakkan penglibatan swasta
C Menyelaras perundangan serantau
D Memperkukuh hubungan luar negara

21 Gambar berikut merupakan lambang yang diperkenalkan di Malaysia sebagai negara yang berdaulat?



Jata Negara

Mengapakah lambang tersebut perlu dihormati?

A Memperkasakan sistem demokrasi
B Memperkukuh institusi kehakiman
C Mengiktiraf hak yang sama rata
D Menanam semangat patriotik

22 Apakah peranan rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara Malaysia?

A Memastikan keberkesanan pendidikan
B Menggubal dasar perundangan
C Menyanjungi adat dan warisan
D Membentuk dasar pentadbiran

LIVEWORKSHEETS

23 Maklumat berikut berkaitan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan.

Pentadbiran British di Negeri-Negeri Selat memperkenalkan Charter Of Justice.

Apakah kepentingan undang-undang tersebut?

A Menghalang campurtangan luar
B Menyekat ideologi bersifat radikal
C Melindungi kepentingan penduduk
D Mengutamakan golongan imigran

24 Perkara yang manakah yang terkandung dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan 1965?

I Imigresen
II Kewangan
III Struktur Mahkamah Atasan
IV Jawatan Yang di-Pertua Negeri

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

25 Pernyataan manakah yang menerangkan fungsi Majlis Raja- Raja Melayu?

A Memperkenan perubahan sempadan negeri
B Mencadangkan rang undang-undang
C Menentukan draf belanjawan negara
D Menyemak sistem pengasingan kuasa

26 Mengapakah konsep pengasingan kuasa penting dalam amalan demoraksi berparlimen?

A Mengelakan campur tangan luar
B Meningkatkan mobiliti penduduk
C Mewujudkan pemerintahan yang adil
D Mendapatkan pengiktirafan antarabangsa

LIVEWORKSHEETS

27 Senarai Persekutuan memperuntukan kuasa Kerajaan Persekutuan.

Perkara yang manakah terletak dalam Senarai Persekutuan?

A Tanah
B Biasiswa
C Pelajaran
D Perumahan

28 Antara berikut, manakah yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan bagi menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

I Majlis Keselamatan Negara
II Majlis Air Negara
III Majlis Tanah Negara
IV Majlis Kewangan Negara

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

29 Maklumat berikut berkaitan dengan perjuangan nasionalisme di Tanah Melayu?

Konsep Melayu Raya diperjuangkan untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia.

Mengapakah konsep tersebut tidak dapat dilaksanakan?

A Penguasaaan tentera Bersekutu
B Kedaulatan Indonesia diisytiharkan
C Ancaman ideologi komunis
D Reaksi masyarakat pribumi

LIVEWORKSHEETS

30 Pilih penyataan yang berkaitan dengan intipati Perjanjian Malaysia 1963.

I Tarikh Pembentukan Malaysia adalah 16 September 1963
II Pembahagian kerusi parlimen bagi semua wilayah adalah setara
III Kuasa menubuhkan kabinet negeri diberikan kepada Sarawak dan Sabah
IV British mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

31 Apakah langkah yang diambil oleh Malaysia untuk mengatasi masalah Peristiwa 13 Mei 1969?

A Pelaksanaan pungutan suara
B Meminta bantuan serantau
C Pembentukan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)
D Kerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

32 Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu berikut selepas merdeka?

- Peluang pekerjaan terhad
- Kadar pengangguran tinggi

A Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal
B Mempelbagaikan pengeluaran komoditi negara
C Melancarkan program pembangunan bersepadu
D Mengawal kemasukan buruh asing

LIVEWORKSHEETS

33 Gambar berikut merupakan logo Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).



Mengapakah sukan tersebut diadakan secara bergilir-gilir?

A Melahirkan semangat berpasukan
B Menggalakkan integrasi antara negeri
C Meningkatkan mutu sukan universiti
D Mengeratkan hubungan atlet

34 Prinsip Rukun Negara yang kelima ialah kesopanan dan kesusilaan.

Mengapakah kita perlu menghayati prinsip tersebut?

A Meningkatkan taraf hidup rakyat
B Mengekalkan persamaan hak
C Mewujudkan komuniti berdaya saing
D Melahirkan masyarakat yang bertolerasi

35 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dalam tempoh 10 tahun bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju berdasarkan wawasan 2020.

Bagimanakah dasar tersebut merapatkan jurang ketidakseimbangan pembangunan wilayah?

A Memperkasa pertanian pintar
B Pembukaan bandar baru
C Pelaksanaan pasaran bersama
D Menyusun subsidi bersasar

LIVEWORKSHEETS


36 Apakah impak perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dalam pembinaan kemakmuran negara.

A Kemunculan golongan pertengahan
B Amalan percukaian diperkenalkan
C Perubahan sistem pentadbiran
D Mendapat pengiktirafan antarabangsa

37 Apakah peristiwa yang membuktikan Malaysia mengamalkan dasar berkecuali pada tahun1970-an?

A Menentang dasar Aparteid
B Memeterai perjanjian FPDA
C Memanfaatkan rancangan Colombo
D Menjalinkan hubungan dengan China

38 Rajah di bawah berkaitan dengan cantuman nama tiga buah negara di Asia Tenggara.




Mengapakah MAPHILINDO ditubuhkan oleh negara-negara tersebut?

A Membanteras komunis
B Menamatkan persengketaan
C Meningkatkan ekonomi serantau
D Membentuk kerjasama ketenteraan

LIVEWORKSHEETS

39 Peta1 berkaitan dengan kerjasama Malaysia dengan negara serantau.



Lingkungan Kawasan SIJORI-GT

Apakah manfaat yang diperolehi Malaysia dalam kerjasama tersebut?

A Menambat pertukaran ringgit
B Mendapatkan bantuan kemanusiaan
C Mengurangkan monopoli pasaran
D Menyelesaikan pertindihan sempadan

40 Malaysia lantang bersuara terhadap pertubuhan dunia seperti kerelevanan organisasi PPB.

Mengapakah Malaysia bertindak demikian?

A Penyalahgunaan kuasa veto
B Pembangunan tidak seimbang
C Memonopoli kutipan cukai barangan
D Membantah perundangan antarabangsa

KERTAS SOALAN TAMAT

LIVEWORKSHEETS